

PERANAN GERAKAN MAHASISWA ISLAM DALAM MENANGANI KELESUAN DAN MENERAJU ARUS MAHASISWA

Oleh: Muhammad Uzair Izzat Amir b. Muhammad

Jawatankuasa Politik Kampus Persatuan Belia Islam Nasional
(PEMBINA)

PENDAHULUAN

Kertas kerja ini memfokuskan perbincangan kepada peranan gerakan mahasiswa Islam dalam meneraju arus mahasiswa. Saya yakin perubahan yang berlaku dikalangan mahasiswa banyak dipengaruhi oleh gerakan mahasiswa disebabkan faktor gerakan mahasiswa yang bersifat dinamik. Pemilihan untuk membina arus mahasiswa Islam dirangka supaya dapat membantu mengurangkan pengaruh fahaman Liberal dalam setiap tindakan mahasiswa. Mahasiswa perlu diterangkan bahaya fahaman Liberal dan kembali menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sejati.

KEKUATAN MAHASISWA DALAM SEJARAH ISLAM

Mahasiswa dengan idealisme dan keazaman yang tinggi mampu untuk menjadi agen perubahan kepada sesuatu agenda. Sejarah peradaban dunia sentiasa meletakkan golongan anak muda yang terpelajar sebagai watak utama suatu bangsa untuk maju ke hadapan. Lihat sahaja sejarah bagaimana Sultan Muhammad Al-Fateh yang menaiki tahta kerajaan Turki Uthmaniyyah pada usia yang muda mampu memimpin tentera dan kerajaan untuk membebaskan Kota Kostantinopel. Usaha ini bukanlah datang daripada semangat kepemudaan semata-mata, namun ianya memerlukan kekuatan nilai-nilai keilmuan, keimanan dan ketaqwaan kepada Allah swt untuk menjayakannya.

Baron Carra De Vaux ketika menceritakan mengenai keunggulan Sultan Muhammad Al-Fateh beliau berkata "Sebenarnya penaklukan kota Kostantinopel oleh Sultan Muhammad Al-Fateh bukanlah secara kebetulan. Ia mengadakan segala macam **persiapan** dan **perhitungan** yang matang sebelum memulai pekerjaannya itu. Ia menggunakan kemajuan **ilmu** pengetahuan yang telah dicapai pada masa itu"¹

¹ Abul Hasan Ali An Nadwi. "Kerugian Dunia Karena Kemunduran Umat Islam" (Pt. Bina Ilmu) halaman 162.

PENGARUH LIBERAL DIKALANGAN MAHASISWA

Merujuk kepada situasi hari ini, kita dapat lihat bagaimana semangat sebahagian daripada mahasiswa yang berani menuntut hak mereka seperti kebebasan akademik, kebebasan bersuara, pemansuhan PTPTN, pendidikan percuma, pilihanraya yang bersih dan pelbagai lagi. Semangat yang ditunjukkan seolah-olah tidak pernah padam dan akan sentiasa menuntut hak mereka diatas nama **KEBEBASAN**.

Namun apa yang perlu dilihat semula ialah apa yang dimaksudkan dengan kebebasan. Adakah kebebasan yang dimaksudkan itu mengikut pandangan Islam ataupun mengikut pandangan sekularis Barat. Sebagai golongan mahasiswa Islam yang berjuang, pastinya kita perlu merujuk kepada garis panduan yang telah ditetapkan didalam Al-Quran dan As-Sunnah disetiap tindakan kita.

Firman Allah SWT:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ
الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

85. dan sesiapa Yang mencari ugama selain ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang Yang rugi. (Ali Imran: 85)

Hari ini ramai mahasiswa yang mula terpengaruh dengan fahaman Liberal iaitu "Atas dasar *individual autonomy*, setiap orang memiliki kebebasan penuh untuk punya pendapat dan pendirian sendiri dalam semua hal, terlepas dari sebarang ikatan pendapat apa pun dan siapa pun. Dilihat dari sudut pandangan Islam, idea autonomi individu seperti ini cukup membahayakan kerana ia berimplikasi penolakan terhadap segala autoriti termasuk ijma'."²

Islam sebagai sebuah cara hidup yang indah dan sempurna telah awal menggariskan titik kebebasan buat manusia dan titik batasan. Islam yang diturunkan melalui wahyu kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW merupakan solusi kepada semua permasalahan dan kerumitan yang berlaku disekeliling kita.

Firman Allah SWT:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَ أَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَ رَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

3. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu. (Al-Maidah: 3)

² Khalif Muammar (2009). "Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal" (Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia) halaman XV.

Dalam Islam kebebasan bukanlah hak mutlak individu manusia. Makna kebebasan perlu berpandukan wahyu. Manusia yang tidak mengikut panduan wahyu akan tersasar kerana mereka akan berpandukan hawa nafsu semata-mata. Sebagai contoh dalam hal makanan, manusia bebas makan apa sahaja yang selagi tidak ditentukan syara' sebagai haram. Tidaklah kebebasan mutlak diberi kepada manusia untuk memilih apa yang mereka boleh makan, kerana disitu terletak hikmah yang ditentukan Allah SWT.

Mahasiswa Islam perlu sedar pada setiap tuntutan dan tindakan mereka ada batas-batas syara' yang perlu dijaga. Menuntut hak sebagai seorang mahasiswa *Student Power secara mutlak tanpa menjaga batas agama, norma masyarakat dan undang-undang Negara hanya akan membuat perjuangan mereka ini tidak rasional dan tanpa paksi yang jelas. Walhal golongan mahasiswalah yang paling hampir dengan disiplin ilmu dan budaya keilmuan.

Tindakan segelintir mahasiswa yang bertindak radikal dengan memanjat pagar ketika berdemonsrasi di UPSI pada 1 Januari 2012, mengkalungkan bunga kematian kepada gambar YAB Dato Seri Najib Tun Razak ketika demonstrasi Pemansuhan PTPTN dan melawan larangan pihak berkuasa DBKL daripada mendirikan khemah (struktur) dan pelbagai peristiwa adalah satu tindakan diluar sifat kematangan dan tidak bertanggungjawab.

PENJENAMAAN SEMULA ARUS MAHASISWA

Justeru itu, saya menyeru kepada semua gerakan mahasiswa Islam supaya kita kembali memuhasabah tindakan persatuan kita agar sentiasa berada dalam landasan Islam yang syari'e. Saya juga ingin membawa kepada suatu penafsiran baru kepada suara mahasiswa Islam agar pergerakan kita dipandang positif oleh masyarakat dalam sama-sama menggerakkan agenda perubahan.

Fokus PEMBINA pada tahun 2012 ini ialah melahirkan mahasiswa yang **CAKNA** isu kampus, nasional dan global, serta **RESPON** secara **AKTIF** dan **POSITIF** yang membawa kepada pembangunan Agama, Bangsa dan Negara.

Dalam meneraju arus mahasiswa, prinsip yang dibawa PEMBINA adalah pendekatan membangun dan membina, penuh dengan keikhlasan. PEMBINA jelas dan yakin pembinaan dan pembangunan jati diri mahasiswa adalah usaha yang murni, teratur dan terancang serta menuntut kesabaran yang tinggi dan berpanjangan berpandukan Al-Quran dan Sunnah. PEMBINA menjauhi pendekatan menjatuhkan, memburukkan, merendahkan atau menghina individu, pihak, persatuan, badan atau organisasi lain.

Definisi Cakna

Dalam mendefinikan makna cakna, mahasiswa perlulah peka kepada perubahan yang berlaku disekeliling mereka dan berusaha mendapatkan informasi yang sahih supaya menjadi sumber rujukan yang jelas. Sumber informasi itu pula perlulah datang daripada sumber yang diyakini dan berintegriti tinggi dalam menyampaikan maklumat. Mahasiswa perlu mempunyai neraca yang seimbang daripada pandangan kepartian yang sempit kepada neraca yang mempunyai sifat *tabayyun* (semak semula). Ini bagi memastikan mahasiswa tidak mudah dimanipulasikan dan dipergunakan oleh pihak yang berkepentingan.

Definisi Respon

Respon yang dimaksudkan disini ialah tindakan yang dihasilkan daripada kefahaman yang jelas dan bukannya *taqlid* (mengikut) secara membabi buta. Respon ini juga boleh diterjemahkan dalam bentuk ucapan, penulisan, penganjuran program, penghasilan video, penghantaran memo bantahan dan bermacam lagi sesuai dengan situasi semasa. Tindakan yang pro-aktif amat perlu diterapkan supaya mahasiswa tidak hanya responsif bahkan dapat membaca keadaan semasa apa yang bakal berlaku.

Definisi Aktif

Definisi Aktif pula ialah mahasiswa melahirkan tindakan yang bersepadu, berstrategi, *Istiqamah* (konsisten), memberi impak dan hasil daripada perbincangan yang kompresensif. Mahasiswa perlu bijak merancang dan merencana aktivisme mereka agar mampu mengesani masyarakat. Bertindak aktif tidak bermakna perlukan tindakan yang agresif yang menimbulkan kekecohan. Tindakan yang sedikit tetapi konsisten lebih berkesan dan akan memberikan impak yang lebih. Kesemua tindakan ini, jika diadun mampu mendatangkan hasil yang luar biasa.

Definisi Positif

Elemen terakhir yang perlu ada pada tindakan mahasiswa ialah positif. Positif bermaksud setiap tindakan yang dilakukan memberikan kesan yang baik samada kepada mahasiswa mahupun masyarakat, berlandaskan Syariah Islamiyyah dan jauh daripada unsur-unsur yang negatif. Berdasarkan elemen positif ini, mahasiswa perlu membina kematangan yang kukuh dan tidak mudah dipergunakan. Jika mahasiswa hanya menumpukan pada elemen aktif sahaja tentu banyak kesilapan dan kesalahan bakal terjadi.

SOLUSI PEMBINA KEPADA GERAKAN MAHASISWA ISLAM

Antara seruan kami ialah agar semua gerakan mahasiswa Islam kembali kepada neraca dan syaria Islam. Islam sebagai sebuah cara hidup yang *Syumul* (komprehensif) pastinya mampu memandu kita keluar daripada kemelut ideologi, akhlak, perbezaan pandangan dan bermacam lagi. Sebagai anak muda yang mempunyai potensi yang besar untuk berbakti kepada Agama, keperluan untuk meningkatkan Iman itu sentiasa ada agar Iman sentiasa memandu pandangan dan tindakan kita.

Firman Allah SWT:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ
وَزِدْنَا لَهُمُ هُدًى ۝۱۳

13. Kami ceritakan kepadamu (Wahai Muhammad) perihal mereka Dengan benar; Sesungguhnya mereka itu orang-orang muda Yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambahi mereka Dengan hidayah petunjuk. (Kahfi: 13)

Imam Hasan Al-Banna ada menyebutkan pesanan beliau “landasan kita hanyalah kitab Allah, sebuah kitab yang tidak mengandungi salah silap dan sunnah yang sahih daripada Rasulullah SAW serta sejarah hidup generasi silam. Segala usaha yang kami lakukan ini hanya kerana mengharapkan keredaan Allah SWT, selain menunaikan kewajipan kami memimpin dan membimbing manusia”³

Kami juga menyeru kepada gerakan mahasiswa agar dapat membina benteng pertahanan dalam gerakan masing-masing agar tidak mudah dimasuki anasir-anasir luar yang cuba mengubah halatuju gerakan mahasiswa Islam. Aktifkan ‘Anti-Virus’ dalam menentukan tindakan dan agenda kita yang sebenar. Jangan diberi peluang dan platform kepada orang yang cuba mempromosikan fahaman Islam yang bercanggah dengan prinsip Al-Quran dan As-Sunnah. Golongan yang cuba mempromosikan fahaman Liberalisme, Pluralisme, Sekularisme dan Syiah akan sentiasa mencari lubuk-lubuk dikalangan mahasiswa sesuai dengan semangat yang dimiliki.

Gerakan mahasiswa diseru agar membina tahap politik kepartian yang berpeda. Politik dan mahasiswa bukanlah perkara yang asing. Mahasiswa sudah mula berpolitik sejak sebelum kemerdekaan. Namun apa yang membezakan kita ialah tahap kematangan dan keserjanaan mahasiswa yang dilihat tertumpu kepada hujah parti yang didokong sahaja. Kita perlu keluar daripada kemelut kepartian dan membina tabiat membaca dan mengkaji kerana dengan ini pengetahuan itu lebih luas dan membantu dalam membuat penilaian.

³ Shalehan bin Ayub (2003). “Himpunan Risalah Imam Hasan Al-Banna: Buat Pemuda, Khasnya Mahasiswa” (Pustaka Salam) halaman 135.

Akhir sekali, kami menyeru agar kita kembali kepada satu suara kesepakatan mahasiswa Islam yang bersifat membangun. Gerakan mahasiswa Islam sebenarnya mempunyai banyak persamaan berbanding perbezaan. Keadaan semasa yang melihat golongan mahasiswa cuba diserang dari segi pemikiran, memerlukan kesepaduan suara dan menentang anasir-anasir ini daripada terus menyerang. Gerakan LGBT, murtad dan pemurtadan, fahaman hedonisme dikalangan mahasiswa dan masa depan Negara boleh dijadikan satu landasan perbincangan untuk disepakati bersama.

RUMUSAN

Tahun 2011 dan 2012 melihatkan satu corak yang berbeza dimainkan oleh mahasiswa. Dari satu sudut ini merupakan petanda yang positif kerana mahasiswa mula keluar daripada ruang lingkup keselesaan dan kelesuan. Namun dari satu sudut, corak mahasiswa yang menggunakan tindakan yang radikal perlu diubah dan diperbaiki. Tanggungjawab ini perlu digalas oleh gerakan mahasiswa Islam yang sedar kerana disebalik tindakan mahasiswa itu ialah pelbagai fahaman yang akan merugikan Agama, Bangsa dan Negara. Gerakan mahasiswa Islam itu perlu terus berjuang dalam mengembalikan jatidiri Islam kepada mahasiswa dan seterusnya meneraju arus mahasiswa.



Persatuan Belia Islam Nasional